



**KENYATAAN / SIARAN AKHBAR**  
Untuk maklumat lanjut sila hubungi:  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Perbadanan Putrajaya**  
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8881 1008

## **PERTANDINGAN ANJURAN PPJ SEMPENA SHWP 2022 DAPAT SAMBUTAN GALAK DARIPADA KOMUNITI PUTRAJAYA**

**PUTRAJAYA, 3 Mac 2022** – Perbadanan Putrajaya (PPj) umum pemenang-pemenang pertandingan yang diadakan bersempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) di Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan SHWP 2022 bertempat di Dewan Seri Siantan, Kompleks PPj.

Majlis penyampaian telah disempurnakan oleh Naib Presiden Kanan PPj, YBhg. Dato' TPr. Fadlun Bin Mak Ujud diiringi oleh Pengarah Bahagian Perkhidmatan Komuniti dan Sukan, YBrs Encik Rosli Bin Talib.

Pengumuman pemenang pertandingan melibatkan sebanyak empat (4) buah pertandingan melibatkan komuniti dan warga Putrajaya yang terdiri daripada pelbagai lapisan peringkat umur iaitu Pertandingan Kibar Bendera Wilayah Persekutuan Kategori A – Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Putrajaya, Pertandingan Kibar Bendera Wilayah Persekutuan Kategori B – Persatuan Penduduk, Pertandingan Video Tik Tok bertemakan "Putrajaya Our City Our Home" dan Pertandingan Melukis Doodle@Wilayah 2022.

Pertandingan Kibar Bendera Wilayah Persekutuan yang berlangsung bermula pada terbahagi telah menarik seramai 6 Sub zon Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan yang melibatkan 12 kawasan bagi pertandingan kategori A dan 21 persatuan penduduk putrajaya bagi pertandingan Kategori B.

Juara pertandingan bagi kategori A membawa pulang wang tunai bernilai RM 3,000, manakala bagi naib juara membawa pulang wang tunai RM 2,500, tempat ketiga membawa pulang wang tunai RM 2,000, tempat keempat membawa pulang wang tunai RM 1,500, tempat kelima dan keenam membawa pulang wang tunai sebanyak RM 1,000 dan RM 800. Pemenang saguhati akan membawa pulang wang tunai sebanyak RM500.

Juara pertandingan bagi kategori B pula membawa pulang wang tunai bernilai RM 1,300, manakala bagi naib juara membawa pulang wang tunai RM 1,000, tempat ketiga membawa pulang wang tunai RM 800, tempat keempat membawa pulang wang tunai RM 600, tempat kelima dan keenam membawa pulang wang tunai sebanyak RM

500 dan RM 400. Seramai 15 pemenang saguhati akan membawa pulang wang tunai sebanyak RM300.


Manakala bagi kategori terbuka (19 tahun ke atas), juara akan membawa pulang wang tunai bernilai RM 400, naib juara membawa pulang wang tunai RM 300 dan tempat ketiga membawa pulang wang tunai RM 200.

Majlis turut menyaksikan penyampaian hadiah bagi pertandingan Video Tik Tok bertemakan "Putrajaya Our City Our Home" yang telah diadakan pada 15 Januari sehingga 15 Februari dengan jumlah penyertaan seramai 21 orang. Para pemenang bagi pertandingan ini membawa pulang sebuah telefon pintar dan pemenang saguhati membawa pulang jam tangan pintar.

Pada masa yang sama, turut disampaikan hadiah kepada para pemenang pertandingan Melukis Doodle@Wilayah 2022 yang disertai seramai 34 orang kanak-kanak dan remaja berumur 7 sehingga 17 tahun. Pertandingan yang bertemakan Kemakmuran dan Kesejahteraan Warga Wilayah Persekutuan menawarkan wang tunai keseluruhan sebanyak RM1200 kepada para-pada pemenang.

Penganjuran pertandingan-pertandingan ini diharapkan dapat memupuk dan menyemai semangat cintakan Wilayah Persekutuan dalam kalangan Komuniti dan Warga Putrajaya.

Seramai 200 orang yang terdiri daripada wakil persatuan pemenang hadir ke program ini bagi memastikan penjarakan pengunjung dan program dilaksanakan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan tetamu telah lengkap vaksinasi.



**TP. NORZITA ABDUL RAZAK**  
Pengarah (Komunikasi Korporat)  
Perbadanan Putrajaya  
Tarikh: 3 Mac 2022

---

Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPJ, Encik Mohd Fairus Bin Mohd Padzil di talian 019-3354346 dan Encik Ahmad Fazila Bin Othman di talian 012-5761490.